

Bedah buku (12.02.14)

## **Tajuk: Tanggungjawab Pemuda Islam Hari Ini. ( Abul A'la Al-Maududi)**



Dunia islam ini terbahagi kepada 2 jenis yakni:

1. Negara yang mana orang muslim merupakan kaum minoriti dan tampuk pemerintahannya berada di tangan orang lain (bukan islam)
2. Negara yang yang mana sebahagian besarnya penduduknya terdiri dari orang-orang islam dan mereka sendiri menerajui pemerintahan.

### **MASA DEPAN NEGARA ISLAM IALAH MASA DEPAN UMATNYA**

Masa depan umat islam ini terletak pada bahu Negara-negara islam itu sendiri kerana jika kita lihat, bahawasanya kawasan negeri umat islam amatlah luas dari Indonesia dan Malaysia di sebelah timur hinggalah ke Morocco dan Nigeria di sebelah barat.

Namun persoalan akan timbul bila mana kawasan Negara-negara islam yang dinyatakan diatas begitu luas namun pada hakikatnya umat islam itu lemah. Apakah keadaan yang berlaku di Negara-negara umat islam masa kini? Apakah sebab-sebabnya? Dan apakah cara dan metodologi yang perlu diikuti oleh orang-orang yang bekerja keras untuk membela nasib umat islam.

### **PENJAJAHAN TANAH AIR BERUBAH KE ARAH PENJAJAHAN FIKIRAN:**

Negara –negara umat islam kini sebenarnya telah jatuh ke dalam genggaman penjajah. Ini sanagt ketara apabila umat islam dilanda kemerosotan dan kebekuan akal, keruntuhan moral dan kekacauan politik yang menyebabkan umat islam itu akhirnya jatuh ke lembah kehinaan dari sudut kelemahan-kelemahan yang telah disebutkan di atas.

## **ANTARA TAKTIK MUSUH ISLAM**

1. **Merombak sistem pembelajaran dan pendidikan.** Inilah tujuan penjajahan di mana ia menghapuskan sistem pembelajaran setempat kepada acuan mereka. Berjaya atau mundurnya seseorang itu bergantung pada penanda aras yang ditentukan oleh penjajah.
2. **Menukar dan menghapus bahasa tempatan umat islam.** Ini dilakukan dengan cara halus untuk menyingkirkan bahasa itu agar ia tidak digunakan dalam urusan pendidikan bahkan sektor pentadbiran sekalipun.
3. **Membentuk angkatan baru yang buta/ jahil akan islam.** Penjajah berusaha menjadikan umat jahil tentang asas utama seperti akidah, syariat, sejarah agung Islam, dan kehebatan tamadun Islam. Penjajah juga menerapkan aliran pemikiran mereka ke dalam jiwa umat islam sehingga cara fikir dan sudut pandang mereka berteraskna kaca mata barat.

Pada akhirnya ini menyebabkan pemikiran generasi ini merosot hingga ke tahap kemuncaknya dan ini terserlah apabila umat islam masa kini meniru bahasa dan gaya kehidupan penjajah, meniru pakaian dan fesyen barat, serta meniru cara makan atau minum serta adat istiadat penjajah.

Ia semakin buruk sehinggakan fikiran mereka diresapi dengan pemahaman bahawa “segala sesuatu yang datang dari barat adalah benar dan betul, wajib dipercayai dan diikuti. Mempraktikkan cara barat adalah antara tanda-tanda orang yang maju. Menentang cara barat disifatkan sebagai golongan yang kolot, mundur, bodoh, tolol, menentang kemajuan dan lain-lain tuduhan.”

## **KESAN-KESAN PENJAJAH**

1. Merosakkan akhlak umat dengan membiasakan anak tempatan hidup di atas dasar dan cara hidup bukan islam.
2. Menjauhkan ulamak dari memimpin masyarakat dan teraju politik.
3. Membentuk serta manyokong gerakan kemerdekaan yang palsu.

## **PENJAJAHAN BANGSA SENDIRI SELEPAS PENJAJAHAN ASING.**

Apa yang dicapai oleh negara-negara Islam sebenarnya kemerdekaan politik sahaja. Namun kecenderungan aliran pemikiran falsafah, moral sosial dan ekonomi masih dijajah secara '*invisible*'.

Penjajah bergiat cergas dalam menabur fahaman mengharuskan maksiat dan meninggalkan perintah Allah atas alasan kemajuan, pembaharuan, kebebasan individu, dan pembangunan bersama orang ramai.

### **PEMERINTAH NEGARA ISLAM LEBIH SUKAKAN PENJAJAH**

1. Kemunduran umat dan Negara islam disebabkan oleh pemerintahan yang menerapkan ajaran bukan islam.
2. Pemerintah umat islam menipu dan menindas atas nama demokrasi berhaluan barat.
3. Banyak Negara-negara islam diperintah oleh tentera yang tidak mengerti islam.

### **DUA HAKIKAT PENTING DI GELANGGANG POLITIK YANG MESTI DIKETAHUI OLEH PEJUANG ISLAM.**

1. Allah menurunkan bala ke atas penduduk yang atheis yang terus menerus dalam kefasikan. Allah juga menurunkan bala kepada penyeru yang menghalakan segalanya. Allah pecah belahkan mereka kepada puak-puak dan sebahagian di antara mereka menggunakan kekuatan untuk menghancurkan sebahagian yang lain (2: 251). Dan kumpulan ini juga menjadikan syaitan sebagai penolong (4:76)
2. Jiwa penganut islam tidak kurang semangat terhadap islam dan kemuliaan. Apa sahaja usaha dan perbuatan meruntuh dan menghancurkan yang dilakukan oleh pemimpin dan penyeru sekular tidak sekali melemahkan mereka. Ini terbukti dengan adanya jemaah yang cergas, tegas atas keimanan yang teguh, dasar akidah yang kukuh serta keazaman yang benar untuk mengorbankan segalanya pada jalan ini. Dan golongan ini adalah golongan yang tidak sekali-kali berputus asa. (12:87)

### **DI ANTARA KEWAJIPAN PEMUDA ISLAM**

Kepada pemuda-pemuda yang beriman perlu mengetahui beberapa perkara yang harus dititik beratkan untuk bangun dan bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam era kini:

1. Memperkenalkan hakikat Islam secara terperinci agar pemuda menjadi seorang yang benar-benar muslim dari segi ilmu atau fikiram.
2. Memperbetulkan budi pekerti yang telah menyeleweng, memperbaiki adat yang rosak supaya dapat mempraktikkan Islam seperti mana zaman terdahulu. Dan perlu dititik beratkan bahawa tiada percanggahan di antara perkataan dan perbuatan. ( As-Soff: 2-3)
3. Jangan merasa sayang untuk mencurahkan tenaga dan fikiran untuk berdakwah samaada tulisan atau ucapan.

4. Menggabungkan setiap orang yang berminat dengan dakwah islamiyah kepada usrah dan kumpulan anda. Dan menyusun mereka dalam satu jemaah yang kuat.
5. Bekerja keras menyebarkan dakwah di kalangan orang awam sehingga anda boleh menyingkap kabus kejahilan mereka.
6. Jangan cuba membangunkan dasar-dasar islam di atas asas yang tidak sihat, di atas tiang seri yang lemah dan di atas tunjang yang bergoyang. Hendaklah pemuda itu bersabar kerana kita membawa matlamat yang besar . Kerja-kerja ini memerlukan keteguhan dan kesabaran dan pemikiran yang matang.

#### **NASIHAT YANG PENTING**

1. Janganlah menjalankan kerja secara gerakan persatuan sulit( tanpa penyebaran umum dakwah) dan janganlah menggunakan kekerasan senjata untuk cuba mengubah suasana yang berlaku (gopoh gapah) kerana ini meninggalkan kesan yang kurang baik.
2. Jangan cuba mencari jalan pendek /'shortcut' kerana uslub ini adalah lebih buruk akibatnya dan mendatangkan mudarat yang besar. Ia perlulah didasari kerja dakwah yang terang seterang matahari di waktu tengah hari.
3. Tenaga pemuda perlulah digunakan untuk sampai ke tujuan yang mulia dengan bersenjatakan akhlak yang menarik, nilai luhur, pekerti yang baik, nasihat yang bagus dan kebijaksanaan yang tinggi.
4. Hendaklah pemuda menghadapi rintangan , ujian dan kesusahan seperti seorang pahlawan.
5. Umat islam perlu mengamalkan ajaran yang telah diamalkan oleh umat islam yang terdahulu

Oleh :

Dr Nur Natasya (Intern, KMC Mangalore)

Aktivis ISMA India (Zon Selatan)